

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH : 24 OKTOBER 2023  
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE  
HARI : SELASA



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL

## Ibu bapa rebut peluang buka tabungan pendidikan anak

Oleh Nur Izzati Mohamad - Oktober 24, 2023 @ 12:01pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Dr Mohamad (tengah) bersama Norliza dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Utara di Pulau Pinang

Bukit Mertajam: Kaunter dibuka sempena Jelajah Bulan Menabung Simpan (BMS) Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Peringkat Zon Utara di ruang legar Pasaraya Mydin di Jalan Baru, di sini, meriah dengan kehadiran ibu bapa pelbagai bangsa.

Mereka tidak mahu melepaskan peluang menyimpan demi masa depan pendidikan anak-anak.

BMS ialah program 'signature' Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam memartabatkan amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat di negara ini.



Antara persembahan yang menarik perhatian pengunjung kanak-kanak di BMS 2023 Peringkat Zon Utara di Aeon Mall, Klebang, Perak

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata pelaksanaan program itu sudah berlangsung selama enam tahun berturut-turut sejak 2018, sekali gus membuktikan komitmen agensi berkenaan dalam menggalakkan amalan menabung.

Katanya, PTPTN menyasarkan jumlah deposit Simpan SSPN bagi BMS tahun ini sebanyak RM220 juta dan optimis ia mampu dicapai berdasarkan rekod pencapaian pengajuran sebelum ini.

"Produk Simpan SSPN diperkenalkan sejak tahun 2004 yang menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun dan perlindungan takaful ke atas pendeposit.

"Selain itu, ia menawarkan Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah.

"Oleh itu, besar harapan saya supaya program ini mendapat sambutan yang menggalakkan melalui pelbagai manfaat yang diperoleh," katanya ketika berucap pada program jelajah berkenaan baru-baru ini.



Pengunjung BMS 2023 Peringkat Zon Utara yang berlangsung di Centre Atrium, Alor Setar Mall, Kedah tidak melepaskan peluang untuk mengunjungi kaunter PTPTN

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid.

Selain Pulau Pinang, BMS Zon Utara turut diadakan serentak di tiga lokasi lain, iaitu di Aeon Mall Klebang, Ipoh, Perak, di Alor Setar Mall, Kedah dan di C-Mart Arau, Perlis.

Dalam pada itu, usahawan, M Kartheeswaran, 39, bersama isterinya, R Anbarasi, 38, mengambil kesempatan membuka akaun Simpan SSPN untuk tiga anaknya berusia satu hingga sembilan tahun menerusi program berkenaan.

### Produk Simpan SSPN

Katanya, dia mengunjungi kaunter BMS 2023 kerana ingin mengetahui lebih lanjut berhubung produk Simpan SSPN yang dimaklumkan isterinya.

"Isteri saya suka kaji maklumat mengenai pelaburan dan terjumpa mengenai Simpan SSPN. Bila saya menghubungi PTPTN berdekatan tempat tinggal, mereka minta datang ke program BMS Peringkat Zon Utara di Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang untuk dapatkan penerangan yang lebih terperinci.



Pertandingan Jengka Family Competition Simpan SSPN merupakan salah satu aktiviti yang turut dijalankan di BMS 2023 Peringkat Zon Utara di Pasaraya C-Mart Arau, Perlis

"Jadi, saya datang dan selepas diterangkan mengenai kebaikan serta manfaat, saya terus membuka akaun untuk tiga anak. Saya dan isteri membuka akaun ini demi meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan menabung yang bagi saya kini masih rendah," katanya.

Bagi Sharifah Norliza Syed Omar, 33, program seumpama itu perlu diteruskan lagi pada masa akan datang kerana terlalu banyak manfaat, terutamanya demi masa depan pendidikan anak-anak.

"Sebelum ini, saya sudah buka akaun Simpan SSPN untuk anak sulung dan kini dalam perancangan untuk buka lagi akaun bagi dua anak yang lain.

"Program seumpama ini bagus kerana memberi ilmu kepada kami terutamanya sebagai ibu bapa untuk membuat simpanan bagi pendidikan anak-anak. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk kanak-kanak mengambil bahagian," katanya.

BMS tahun ini turut dimeriahkan dengan acara cabutan BMS 2023 dengan menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM75,000 kepada seramai 66 pemenang.

<https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2023/10/1168784/ibu-bapa-rebut-peluang-buka-tabungan-pendidikan-anak>